

BAB EMPAT

PEMBAHASAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini melaporkan hasil kajian sebenar yang diperolehi dari kajian kuantitatif yang telah diamalkan selari dengan matlamat utama kajian untuk memperjelaskan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah, kecerdasan emosional pengetua sekolah agama dan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Data kuantitatif diperolehi daripada pentadbiran soal selidik kepada seramai 180 orang guru.

Pembentangan hasil kajian pada bab ini merangkumi beberapa bahagian utama iaitu profil peserta kajian, dapatan kajian kuantitatif berdasarkan soalan-soalan kajian. Profil peserta kajian dihuraikan mengikut: jantina, umur, kelayakan dan lama berkhidmat. Dapatan kuantitatif terdiri daripada analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menghuraikan tahap persepsi guru tentang amalan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Analisis inferensi iaitu ujian hipotesis nul dilakukan untuk mengenal pasti hubungan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, hubungan persepsi guru tentang amalan kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dan hubungan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia secara

bersama-sama dengan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Setiap hipotesis yang diajukan diuji kebenarannya pada aras signifikansi $p < 0.05$.

4.2 Profil Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan peserta kajian seramai 180 orang guru yang berkhidmat di Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Maklumat tentang kategori peserta kajian dapat diuraikan seperti pada Jadual 4.1 untuk profil peserta kajian.

Seramai 180 orang peserta kajian telah mengembalikan soal selidik yang dikemukakan dengan sempurna serta tertabur mengikut ciri-ciri demografi. Dapatan taburan ciri demografi peserta kajian dipaparkan dalam Jadual 4.1 dibawah ini:

Jadual 4.1.

Taburan Ciri Demografi Peserta Kajian

No	Ciri Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
1	Jantina		
	Laki-laki	119	66
	Wanita	61	34
2	Umur (x)		
	$25 \text{ thn} < x \leq 30 \text{ thn}$	10	6
	$30 \text{ thn} < x \leq 35 \text{ thn}$	25	14
	$35 \text{ thn} < x \leq 40 \text{ thn}$	38	21
	$40 \text{ thn} < x \leq 45 \text{ thn}$	48	27
	$45 \text{ thn} < x \leq 50 \text{ thn}$	24	13
	$50 \text{ thn} < x \leq 55 \text{ thn}$	20	11
	$x \geq 55 \text{ thn}$	15	8

3 Kelayakan

Diploma	13	7
Sarjana Muda	27	15
Sarjana	129	72
Master	11	6
Doktor Falsafah	0	0

4 Lama

berkhidmat

(x)

$x \leq 5$ tahun	17	10
$5 < x \leq 10$ tahun	63	35
$10 < x \leq 15$ tahun	44	24
$15 < x \leq 20$ tahun	26	14
$x \geq 20$ tahun	30	17

Berdasarkan Jadual 4.1 diatas, taburan responden bilangan pengetua wanita seramai 61 orang (34%) berbanding pengetua laki-laki seramai 119 orang (66%). Bila dilihat dari umur didapati 10 orang (6%) responden berusia lebih dari 25 tahun dan kurang dari atau sama dengan 30 tahun, 25 orang (14%) berumur lebih dari 30 tahun dan kurang dari atau sama 35 tahun, 38 orang (21%) berumur lebih dari 35 tahun dan kurang dari atau sama 40 tahun, 48 orang (27%) berumur lebih dari 40 tahun dan kurang dari atau sama 45 tahun, 24 orang (13%) berumur lebih dari 45 tahun dan kurang dari atau sama 50 tahun, 20 orang (11%) berumur lebih dari 50 tahun dan kurang dari atau sama 55 tahun, dan 15 orang (8) berumur 55 tahun keatas.

Taburan responden dari segi kelayakan pendidikan 13 orang berkecukupan Diploma (7%), 27 orang (15%) berkecukupan Sarjana Muda, dan 129 orang (8,5%) berkecukupan Sarjana, 11 orang berkecukupan (6%) berkecukupan Master. Manakala taburan dari segi lama berkhidmat 17 orang (9%) kurang dari 5 tahun, 63 orang (35%) lebih dari 5 tahun dan kurang dari atau sama dengan 10 tahun, 44 orang (24%) lebih dari 10 tahun dan kurang dari atau sama dengan 15 tahun, dan 26 orang (14%) lebih dari 15 tahun dan kurang dari atau sama dengan 20 tahun, dan sebilangan 30 orang (17%) yang telah berkhidmat lebih dari 20 tahun.

4.3 Dapatan Kajian

4.3.1 Deskripsi Data

Deskripsi data dalam kajian ini mencakup nilai min, taburan kekerapan, min skor keseluruhan, median, mod dan grafik histogram dari ketiga pembolehubah kajian. Data mentah diolah dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif.

Kaedah statistik deskriptif lebih berhubungan dengan pengumpulan dan peringkasan data, serta penyajian hasil pemangkasan tersebut. Huraian hasil pengiraan deskriptif tersebut dijelaskan sebagai berikut:

4.3.1.1 Persepsi Guru Tentang Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah (Y)

4.3.1.1.1 Pengurusan Kurikulum

Amalan pengurusan berasaskan sekolah yang pertama dipersepsikan guru adalah pengurusan kurikulum. Terdapat lapan item daripada keseluruhan 52 item soal selidik yang boleh diuraikan sepertimana Jadual 4.2 berikut :

Jadual 4.2.**Kekerapan, Peratusan dan Min Amalan Persepsi Guru Tentang Pengurusan Berasaskan Sekolah Pengurusan Kurikulum**

No	Item Soal Selidik	N	Taburan Kekerapan dan Peratusan Peserta Kajian					Min	SP
			STB	TB	KB	B	SB		
1	Pengetua menggalakkan guru merancang kurikulum kedalam rancangan aktiviti pembelajaran	180	2 1.10	13 7.20	20 11.10	102 56.70	43 23.90	3.95	0.86
2	Pengetua megalakkan guru memperkembangkan kurikulum nasional	180	15 8.33	58 32.22	62 34.44	40 22.22	5 2.78	2.79	0.97
3	Pengetua bertanggungjawab mengorganisasikan kurikulum di sekolah	180	24 13.33	41 22.78	59 32.78	50 27.78	5 2.78	2.84	1.07
4	Pengetua menggerakkan guru, pelajar dan kakitangan dalam mengamalkan kurikulum	180		3 1.67	12 6.67	66 36.67	99 55.00	4.11	0.82
5	Pengetua menggerakkan fasiliti dalam mengurus kurikulum	180	1 0.56	8 4.44	21 11.67	91 50.56	59 32.78	3.02	1.56
6	Pengetua melakukan pengawasan amalan kurikulum di sekolah	180	44 24.44	37 20.56	17 9.44	35 19.44	47 26.11	3.81	0.84
7	Pengetua mengenal pasti pencapaian target kurikulum di sekolah melalui hasil peperiksaan pelajar	180	3 1.67	10 5.56	36 20.00	100 55.56	31 17.22	4.16	1.05
8	Pengetua mengenal pasti pencapaian kurikulum melihat hasil peperiksaan nasional	180	2 1.11	18 10.00	20 11.11	50 27.78	90 50.00	3.46	1.44
Min			11.38 6.32	23.50 13.05	30.88 17.15	66.75 37.09	47.38 26.32	3.52	1.08

Daripada Jadual 4.2, secara am boleh dijelaskan bahawa min skor persepsi guru tentang pengurusan berasaskan sekolah pengurusan kurikulum sebesar 3.52, dan keadaan ini menunjukkan dalam kategori bersetuju. Namun jika diperhatikan masing-masing item soal selidik, diperoleh maklumat bahawa penggalakan guru dalam memperkembangkan kurikulum di sekolah dan item mengenai pengorganisasian kurikulum di sekolah mempunyai min masing-masing sebesar 2.79 dan 2.84, yang keduanya termasuk dalam kategori kurang bersetuju. Sedangkan item soal mengenai penggalakkan pengetua kepada guru, pelajar dan kakitangan dalam pengamalan kurikulum, serta item soal selidik berkenaan dengan pengetua mengenal pasti dalam pencapaian target kurikulum mempunyai min skor secara berturutan sebesar 4.11 dan 4.16 yang termasuk dalam kategori sangat bersetuju.

Sedangkan jika ditinjau mengenai min terbesar daripada lapan aspek yang berkenaan adalah item soal selidiki mengenai pengenalan secara pasti daripada pengetua terhadap pencapaian target kurikulum disekolah melalui peperiksaan pelajar dengan min sebesar 4.16 yang termasuk dalam kategori sangat bersetuju.

Manakala persepsi guru tersebut dikelompokkan menjadi dua, memuaskan dan tidak memuaskan, yang mana kelompok memuaskan terdiri daripada persepsi bersetuju dan sangat bersetuju dan kelompok tidak memuaskan terdiri daripada tiga aspek, iaitu kurang bersetuju, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Berdasarkan Jadual 4.2 diperolehi maklumat bahawa persepsi guru tentang pengurusan berasaskan sekolah pengurusan kurikulum yang termasuk kategori memuaskan mempunyai min taburan persepsi dan peratusan sebesar 114.13 (63.41%), sedangkan yang tidak memuaskan sebesar 65.87 (36.59%). Memperhatikan yang demikian boleh dikatakan bahawa majoriti persepsi guru adalah 'setuju' berkenaan dengan pengurusan kurikulum.

4.3.1.1.2 Pengurusan Kakitangan

Amalan pengurusan berasaskan sekolah daripada pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia yang kedua dipersepsikan oleh guru adalah pengurusan kakitangan. Dapatan kajian yang diperolehi daripada sembilan item daripada keseluruhan 52 item soal selidik, boleh dihuraikan sepertimana Jadual 4.3 berikut :

Jadual 4.3.
Kekerapan, Peratusan dan Min Persepsi Guru Tentang Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah Pengurusan Kakitangan

No	Item Soal Selidik	N	Taburan Kekerapan dan Peratusan Peserta Kajian					Min	SP
			STB	TB	KB	B	SB		
9	Pengetua membuat rancangan perkembangan guru dan kakitangan	180	28 15.56	26 14.44	13 7.22	61 33.89	52 28.89	4.04	1.00
10	Pengetua membuat huraian tugas dan tanggung setiap kakitangan sekolah	180	6 3.33	10 5.56	20 11.11	79 43.89	65 36.11	3.68	1.20
11	Pengetua melakukan pembagian tugas mengajar guru dan kakitangan	180	6 3.33	8 4.44	24 13.33	32 17.78	110 61.11	4.29	1.07
12	Pengetua memberikan penghargaan pelaksanaan disiplin dan tanggung jawab	180	6 3.33	8 4.44	24 13.33	32 17.78	110 61.11	4.12	1.09
13	Pengetua melakukan pengawasan terhadap disiplin guru dalam mengajar	180	5 2.78	14 7.78	25 13.89	46 25.56	90 50.00	4.21	1.10
14	Pengetua melakukan pengawasan terhadap kakitangan sekolah	180	9 5.00	8 4.44	15 8.33	52 28.89	96 53.33	3.91	1.15
15	Pengetua melakukan penilaian prestasi guru	180	4 2.22	24 13.33	31 17.22	47 26.11	74 41.11	2.96	1.40
16	Pengetua melakukan penilaian terhadap prestasi kakitangan sekolah	180	37 20.56	37 20.56	33 18.33	43 23.89	30 16.67	3.67	0.98
Min			12.63 7.01	16.88 9.38	23.13 12.85	49.00 27.22	78.38 43.54	3.86	1.12

Berdasarkan Jadual 4.3 didapati penerangan bahawa min terendah tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah pengurusan kakitangan adalah item soal tentang penilaian pengetua terhadap prestasi guru dengan min sebesar 2.96 yang bersesuaian dengan pentafsiran tidak bersetuju. Sedangkan min terbesar adalah 4.29 dengan pentafsiran sangat bersetuju yang bersesuaian dengan item soal pengetua melaksanakan pembahagian tugas mengajar bagi guru dan tugas bagi kakitangan. Manakala min keseluruhan daripada lapan aspek tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah pengurusan kakitangan sebesar 3.86, dengan pentafsiran bersetuju.

Huraian mengenai persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah pengurusan kakitangan boleh dikelompokkan menjadi dua, iaitu 'setuju' dan 'kurang setuju'. Kelompok 'setuju' terdiri daripada persepsi bersetuju dan sangat bersetuju dan kelompok 'kurang setuju' terdiri daripada tiga aspek, iaitu kurang bersetuju, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Jadual 4.3 menerangkan bahawa persepsi guru berkenaan dengan huraian tersebut yang termasuk kategori memuaskan mempunyai min taburan persepsi dan peratusan sebesar 127.38 (70.76%), sedangkan yang tidak memuaskan sebesar 52.62 (29.24%). Memperhatikan yang demikian boleh dikatakan bahawa majoriti persepsi guru adalah 'setuju' berkenaan dengan pengurusan kakitangan.

4.3.1.1.3 Pengurusan Pelajar

Amalan pengurusan berasaskan sekolah pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia yang ketiga dipersepsikan guru adalah pengurusan pelajar. Terdapat lapan item daripada keseluruhan 52 item soal selidik yang boleh dihuraikan sepertimana jadual 4.4 berikut :

Jadual 4.4.**Kekerapan, Peratusan dan Min Persepsi Guru Tentang Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah Pengurusan Pelajar**

No	Item Soal Selidik	N	Taburan Kekerapan dan Peratusan Peserta Kajian					Min	SP
			STB	TB	KB	B	SB		
17	Pengetua melakukam pengiraan daya tampung sekolah untuk pelajar baru	180	3 1.67	20 11.11	47 26.11	74 41.11	36 20.00	3.61	1.03
18	Pengetua melakukan pembahagian ahli bilik darjah	180	3 1.67	27 15.00	45 25.00	68 37.78	37 20.56	3.83	0.96
19	Pengetua membolehkan aktiviti diluar bilik darjah	180	4 2.22	11 6.11	43 23.89	77 42.78	45 25.00	3.82	1.07
20	Pengetua menggalakkan guru mengguna pendekatan pembelajaran aktif	180	5 2.78	19 10.56	35 19.44	65 36.11	56 31.11	4.06	1.07
21	Pengetua menggalakan guru mengguna pendekatan pembelajaran kebermanaan	180	4 2.22	16 8.89	25 13.89	56 31.11	79 43.89	3.64	1.00
22	Pengetua melakukan penyeliaan kehadiran pelajar	180	3 1.67	24 13.33	43 23.89	74 41.11	36 20.00	3.56	1.03
23	Pengetua memberi hukuman bagi yang melanggar tata tertib sekolah	180	2 1.11	28 15.56	55 30.56	57 31.67	38 21.11	3.77	1.13
24	Pengetua meminta rekod penilaian pelajar kepada guru	180	6 3.33	23 12.78	34 18.89	61 33.89	56 31.11	4.06	1.00
25	Pengetau meminta rekod kelulusan peperiksaan nasional pelajar	180	3 1.67	13 7.22	28 15.56	63 35.00	73 40.56	3.96	0.96
Min			3.67 2.04	20.11 11.17	39.44 21.91	66.11 36.73	50.67 28.15	3.81	1.03

Jadual 4.4 memberikan penerangan mengenai amalan pengurusan berasaskan sekolah yang dilakukan pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia pengurusan pelajar. Dari dapatan pengiraan min keseluruhan bagi persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia mengurus pelajar sebesar 3.81 menunjukkan bahawa persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia mengurus pelajar termasuk pada kategori bersetuju.

Ditinjau daripada min terendah persepsi guru berkenaan dengan keadaan tersebut diperoleh min sebesar 3.61 yang termasuk kategori bersetuju, hal ini bersesuaian dengan item soal mengenai pengiraan oleh pengetua terhadap daya tampung bagi pelajar baru. Sedangkan min terbesar berkenaan dengan item soal yang memberikan maklumat mengenai penggalan pengetua berkenaan dengan penggunaan pengajaran dan pembelajaran aktif dengan min sebesar 4.08 dengan pentafsiran sangat bersetuju. Jika ditinjau daripada kategori min masing-masing item soal selidik, diperoleh maklumat bahawa daripada sembilan item soal selidik, terdapat dua item soal selidik yang termasuk dalam kategori sangat bersetuju, sedangkan tujuh item soal selidik yang lainnya termasuk dalam kategori bersetuju.

Sepertimana huraian sebelum ini, bahawa dengan mengelompokkan persepsi guru menjadi dua, iaitu kelompok 'setuju' yang terdiri daripada persepsi bersetuju dan sangat bersetuju, dan kelompok 'kurang setuju' yang terdiri daripada persepsi kurang bersetuju, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Maklumat yang diperolehi adalah 116.78 (64.88%) menunjukkan secara berturutan kekerapan dan peratusan persepsi guru menunjukkan memuaskan. Sedangkan kekerapan dan peratusan yang menunjukkan persepsi tidak memuaskan sebesar 63.22 (35.12%). Memperhatikan yang demikian boleh

dikatakan bahawa secara majoritinya persepsi guru adalah ‘setuju’ mengenai amalan pengurusan berasaskan sekolah yang dilakukan pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia pengurusan pelajar.

4.3.1.1.4 Pengurusan Fasilitas

Amalan pengurusan berasaskan sekolah pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten yang keempat dipersepsikan guru adalah pengurusan fasilitas. Terdapat sembilan item soal selidik daripada keseluruhan 52 item soal selidik yang boleh diuraikan sepertimana Jadual 4.5 berikut :

Jadual 4.5.**Kekerapan, Peratusan dan Min Persepsi Guru Tentang Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah Pengurusan Fasiliti**

No	Item Soal Selidik	N	Taburan Kekerapan dan Peratusan Peserta Kajian					Min	SP
			STB	TB	KB	B	SB		
26	Pengetua membuat daftar keperluan fasiliti tahun berlaku	180	1 0.56	17 9.44	29 16.11	74 41.11	59 32.78	3.92	1.10
27	Pengetua membuat rancangan perbaikan fasiliti yang mengalami kerosakan	180	2 1.11	24 13.33	32 17.78	50 27.78	72 40.00	3.48	1.55
28	Pengetua meminta kakitangan sekolah membuat senarai inventaris barang	180	2 16.11	24 17.78	32 8.89	50 16.67	72 40.56	3.41	1.22
29	Pengetua menyatakan semua ahli sekolah boleh mengguna fasiliti sekolah	180	11 6.11	39 21.67	35 19.44	56 31.11	39 21.67	4.11	0.97
30	Pengetua menggalakkan ahli anggota sekolah mengguna fasiliti sekolah	180	2 1.11	15 8.33	19 10.56	69 38.33	75 41.67	4.16	0.92
31	Pengetua menggalakkan fasiliti sekolah diguna untuk keperluan pembelajaran	180	1 0.56	10 5.56	27 15.00	63 35.00	79 43.89	3.97	0.94
32	Pengetua meminta kakitangan sekolah mengisi senarai fasiliti sekolah	180	1 0.56	15 8.33	31 17.22	74 41.11	59 32.78	4.26	1.08
33	Pengetua memerintahkan fasiliti sekolah yang rosak ringan dibaiki	180	2 1.11	18 10.00	21 11.67	29 16.11	110 61.11	3.54	1.45
34	Pengetua memerintahkan fasiliti sekolah yang akan dijual dilakukan lelong	180	24 13.33	25 13.89	28 15.56	35 19.44	68 37.78	4.09	0.99
Min			5.11 4.51	20.78 12.04	28.22 14.69	55.56 29.63	70.33 39.14	3.88	1.13

Daripada Jadual 4.5 didapati bahawa persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah yang dilakukan pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia pengurusan fasiliti, dapat dikategorikan kepada dua, iaitu taburan persepsi guru-guru yang 'setuju' mengenai amalan pengurusan berasaskan sekolah yang dilakukan oleh pengetua terdiri daripada taburan respons bersetuju dan sangat bersetuju, dan guru-guru yang 'tidak setuju' dengan taburan respons kurang bersetuju, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju.

Maklumat yang diperolehi adalah 125.89 (68.77%) menunjukkan secara berturutan kekerapan dan peratusan persepsi guru menunjukkan 'setuju'. Sedangkan kekerapan dan peratusan yang menunjukkan persepsi 'tidak setuju' sebesar 74.11 (31.23%). Memperhatikan yang demikian boleh dikatakan bahawa persepsi guru mengenai amalan pengurusan berasaskan sekolah yang dilakukan pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia pengurusan fasiliti majoritinya adalah 'setuju' terhadap amalan pengetua.

Memperhatikan min skor persepsi guru daripada sembilan item soal boleh dikelompokkan menjadi dua, iaitu min skor yang termasuk dalam kategori sangat bersetuju terdiri daripada empat item, iaitu: 1) pernyataan pengetua boleh semua ahli sekolah boleh memanfaatkan fasiliti sekolah; 2) pengetua menggalakkan kepada semua ahli untuk menggunakan fasiliti sekolah; 3) pengetua mengharuskan kakitangan membuat senarai semua fasiliti sekolah; dan 4) pengetua memerintahkan lelong bagi menjual fasiliti sekolah. Sedangkan lima item yang lain termasuk dalam kategori bersetuju, iaitu item soal yang berkenaan dengan: 1) pengetua membuat senarai keperluan fasiliti; 2) pengetua membuat perancangan pembaikan fasiliti; 3) pengetua mengarahkan kepada kakitangan untuk membuat senarai inventaris barang; 4) pengetua

menggalakkan agar menggunakan fasiliti sekolah untuk aktiviti pembelajaran; dan 5) pengetua menyarankan memperbaiki fasiliti sekolah yang rosak.

4.3.1.1.5 Pengurusan Kewangan

Amalan pengurusan berasaskan sekolah pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia yang kelima dipersepsikan guru adalah pengurusan kewangan. Terdapat lapan item daripada keseluruhan 52 item soal selidik yang boleh diuraikan sepertimana Jadual 4.6 berikut :

Jadual 4.6.**Kekerapan, Peratusan dan Min Persepsi Guru Tentang Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah Pengurusan Kewangan**

No	Item Soal Selidik	N	Taburan Kekerapan dan Peratusan Peserta Kajian					Min	SP
			STB	TB	KB	B	SB		
35	Pengetua mengawal badjet kewangan sekolah	180	1 0.56	16 8.89	26 14.44	60 33.33	77 42.78	4.00	1.19
36	Pengetua membuat rancangan badjet sekolah	180	7 3.89	19 10.56	27 15.00	41 22.78	86 47.78	3.82	1.12
37	Pengetua meminta penerimaan dan pengeluaran kewangan sekolah di rekod	180	6 3.33	20 11.11	36 20.00	56 31.11	62 34.44	3.76	1.14
38	Pengetua menggunakan kewangan selari dengan keperluan sekolah	180	5 2.78	26 14.44	34 18.89	57 31.67	58 32.22	3.91	1.14
39	Pengetua meminta melakukan penzamatan kewangan sekolah	180	6 3.33	22 12.22	23 12.78	60 33.33	69 38.33	3.97	1.02
40	Pengetua menggalakkan Dewan sekolah mengawal kewangan sekolah	180	2 1.11	17 9.44	32 17.78	62 34.44	67 37.22	3.81	0.94
41	Pengetua mengawasi penggunaan kewangan sekolah	180	1 0.56	19 10.56	37 20.56	79 43.89	44 24.44	3.25	1.38
42	Pengetua membuat laporan pertanggung jawapan penggunaan kewangan sekolah	180	24 13.33	38 21.11	31 17.22	43 23.89	44 24.44	3.95	1.16
Min			6.50 3.61	22.13 12.29	30.75 17.08	57.25 31.81	63.38 35.21	3.81	1.14

Berdasarkan Jadual 4.6 didapati persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah yang dilakukan pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia pengurusan kewangan. Daripada lapan item soal selidik yang mempunyai min terbesar adalah item soal yang berkenaan dengan pengetua mengawal badjet kewangan sekolah tinggi dengan min sebesar 4.00 yang bersesuaian dengan pentafsiran sangat bersetuju. Sedangkan item soal yang lain termasuk dalam kategori kurang bersetuju. Manakala min keseluruhan daripada lapan item soal selidik sebesar 3.81 yang bersesuaian dengan pentafsiran bersetuju.

Jika diuraikan berdasarkan besar min daripada tujuh item soal selidik yang mempunyai min sekor dengan pentafsiran bersetuju, boleh diuraikan secara berturutan seperti berikut: 1) Pengetua meminta penerimaan dan pengeluaran kewangan sekolah; 2) Pengetua menggunakan kewangan selari dengan keperluan sekolah; 3) Pengetua meminta melakukan penzamatan kewangan sekolah; 4) Pengetua menggalakkan Dewan sekolah mengawal kewangan sekolah; 5) Pengetua mengawasi penggunaan kewangan sekolah; 6) Pengetua membuat laporan pertanggungjawapan penggunaan kewangan sekolah; dan 7) Pengetua membuat laporan pertanggungjawapan penggunaan kewangan sekolah.

Manakala taburan persepsi guru dikelompokkan menjadi dua, iaitu persepsi guru-guru yang 'setuju' dengan taburan persepsi bersetuju dan sangat bersetuju, dan kelompok persepsi guru-guru yang 'kurang setuju' yang terdiri daripada taburan persepsi kurang bersetuju, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Jadual tersebut memberikan penerangan bahawa kelompok pertama, iaitu mereka yang 'setuju' mempunyai kekerapan dan peratus secara berturutan sebesar 120.63 (59.37%) sedangkan yang lainnya sebesar 59.37 (32.98%).

4.3.1.1.6 Pengurusan Persekitaran

Amalan pengurusan berasaskan sekolah pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia yang keenam dipersepsikan guru adalah pengurusan persekitaran. Terdapat 10 item daripada keseluruhan 52 item soal selidik yang boleh dihuraikan sepertimana Jadual 4.7 berikut :

Jadual 4.7.**Kekerapan, Peratusan dan Min Persepsi Guru Tentang Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah Pengurusan Persekitaran**

No	Item Soal Selidik	N	Taburan Kekerapan dan Peratusan Peserta Kajian					Min	SP
			STB	TB	KB	B	SB		
43	Pengetua memperhatikan persekitaran dalam perancangan sekolah	180	6 3.33	21 11.67	27 15.00	48 26.67	78 43.33	3.94	0.95
44	Pengetua menjadikan persekitaran sebagai sumber peluang dan kekuatan	180	2 1.11	17 9.44	24 13.33	84 46.67	53 29.44	3.94	1.02
45	Pengetua melakukan kordinasi dengan jawatankuasa kerajaan daerah dan nasional	180	3 1.67	20 11.11	21 11.67	76 42.22	60 33.33	3.93	1.10
46	Pengetua bekerjasama dengan persekitaran	180	3 1.67	23 12.78	29 16.11	54 30.00	71 39.44	3.93	1.00
47	Pengetua menjadikan persekitaran sekolah sebahagai pelindung	180	2 1.11	18 10.00	30 16.67	71 39.44	59 32.78	3.64	1.13
48	Pengetua menggerakkan persekitaran sekolah untuk mencapai matlamat sekolah	180	6 3.33	27 15.00	41 22.78	57 31.67	49 27.22	3.92	0.97
49	Pengetua mengawasi persekitaran sekolah agar tidak menjadi ancaman	180	4 2.22	14 7.78	26 14.44	85 47.22	51 28.33	3.90	0.90
50	Pengetua mengantisipasi ketika persekitaran sekolah menjadi ancaman	180	3 1.67	9 5.00	37 20.56	85 47.22	46 25.56	3.83	1.19
51	Pengetua menjadikan persekitaran sebahagai sumber kekuatan	180	9 5.00	23 12.78	22 12.22	62 34.44	64 35.56	4.14	1.01
52	Pengetua menciptakan persekitaran sekolah menyokong aktiviti pembelajaran sekolah	180	3 1.67	13 7.22	24 13.33	56 31.11	84 46.67	4.14	1.01
Min			4.10 2.28	18.50 10.28	28.10 15.61	67.80 37.67	61.50 34.17	3.93	1.03

Berdasarkan Jadual 4.7 didapati persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah yang dilakukan pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia pengurusan persekitaran. Taburan persepsi guru dikelompokkan menjadi dua, iaitu persepsi guru-guru yang ‘setuju’ dengan taburan persepsi bersetuju dan sangat bersetuju, dan kelompok persepsi guru-guru yang ‘kurang setuju’ yang terdiri daripada taburan persepsi kurang bersetuju, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Jadual 4.7 memberikan penerangan bahawa kelompok pertama, iaitu mereka yang ‘setuju’ mempunyai kekerapan dan peratus secara berturutan sebesar 129.30 (71.84%) sedangkan yang lainnya sebesar 50.70 (28.16%). Dari dapatan pengiraan min keseluruhan bagi persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia mengurus persekitaran sebesar 3.93 menunjukkan bahawa persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia mengurus persekitaran pada tahap sederhana memuaskan.

4.3.1.2 Persepsi Guru tentang Kecerdasan Emosional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas (X₂)

4.3.1.2.1 Intrapersonal

Kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia pertama yang dipersepsikan guru adalah intrapersonal. Terdapat enam item daripada keseluruhan 55 item soal selidik yang boleh diuraikan sepertimana Jadual 4.8 berikut :

Jadual 4.8.
Kekerapan, Peratusan dan Min Persepsi Guru Tentang Kecerdasan Emosional Intrapersonal
Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia

No	Item Soal Selidik	N	Taburan Kekerapan dan Peratusan Peserta Kajian					Min	SP
			STB	TB	KB	B	SB		
1	Pengetua menikmati kesenangan	180	3 1.67	41 22.78	46 25.56	65 36.11	25 13.89	3.38	1.04
2	Pengetua dapat mengerti cara berfikir orang lain	180	1 0.56	31 17.22	39 21.67	92 51.11	17 9.44	3.52	0.91
3	Pengetua mengetahui kapan boleh tinggal tenang tanpa gangguan	180	0 0.00	54 30.00	48 26.67	53 29.44	25 13.89	3.27	1.04
4	Pengetua bahagia	180	0 0.00	42 23.33	47 26.11	62 34.44	29 16.11	3.43	1.02
5	Pengetua peduli dengan apa yang terjadi pada diri sendiri	180	1 0.56	30 16.67	64 35.56	45 25.00	40 22.22	3.52	1.03
6	Pengetua mengawal emosi sendiri	180	3 1.67	49 27.22	51 28.33	29 16.11	48 26.67	3.39	1.19
Min			1.33 2.13	41.17 41.85	49.17 48.61	57.67 62.13	30.67 28.61	3.42	1.04

Berdasarkan Jadual 4.8 didapati persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama intrapersonal. Daripada keenam-enam aspek keseluruhannya mempunyai min yang bersesuaian dengan persepsi bersetuju. Jika disusun berdasarkan peringkat min skor item soal selidik, adalah seperti berikut: 1) Pengetua dapat mengerti cara berfikir orang lain; 2) Pengetua peduli dengan apa yang terjadi pada diri sendiri ; 3) Pengetua bahagia; 4) Pengetua mengawal emosi sendiri; 5) Pengetua menikmati kesenangan; 6) Pengetua mengetahui kapan boleh tinggal tenang tanpa gangguan.

Manakala dapatan pengiraan min skor keseluruhan bagi persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Banten Indonesia intrapersonal sebesar 3.42 menunjukkan bahawa persepsi guru tentang kecerdasan emosional guru pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia intrapersonal pada tahap ‘bersetuju’.

4.3.1.2.2 Interpersonal

Kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia kedua yang dipersepsikan guru adalah interpersonal. Terdapat 10 item daripada keseluruhan 55 item soal selidik yang boleh dihuraikan sepertimana Jadual 4.9 berikut :

Jadual 4.9.

Kekerapan, Peratusan dan Min Persepsi Guru Tentang Kecerdasan Emosional Interpersonal Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia

No	Item Soal Selidik	N	Taburan Kekerapan dan Peratusan Peserta Kajian					Min	SP
			STB	TB	KB	B	SB		
7	Pengetua suka berhubung dengan setiap orang	180	0 0.00	48 26.67	48 26.67	52 28.89	32 17.78	3.38	1.06
8	Pengetua memiliki kepercayaan sendiri	180	0 0.00	20 11.11	43 23.89	89 49.44	28 15.56	3.69	0.87
9	Pengetua boleh bekerja dengan tenang	180	1 0.56	44 24.44	51 28.33	44 24.44	40 22.22	3.43	1.10
10	Pengetua berusaha menjawab pertanyaan- pertanyaan sulit	180	1 0.56	28 15.56	48 26.67	60 33.33	43 23.89	3.64	1.03
11	Pengetua memiliki pikiran untuk berubah lebih baik	180	0 0.00	37 20.56	47 26.11	57 31.67	39 21.67	3.54	1.05
12	Pengetua berusaha mendapatkan perhatian dari orang lain	180	0 0.00	26 14.44	54 30.00	52 28.89	48 26.67	3.68	1.02
13	Pengetua menghilangkan pikiran yang sering terganggu	180	0 0.00	15 8.33	67 37.22	46 25.56	52 28.89	3.75	0.97
14	Pengetua mudah memahami ide baru	180	0 0.00	14 7.78	36 20.00	46 25.56	84 46.67	4.11	0.99
15	Pengetua mudah menceritakan perasaan kepada orang lain	180	0 0.00	11 6.11	34 18.89	55 30.56	80 44.44	4.13	0.93
16	Pengetua merasa lebih baik dari orang lain	180	0 0.00	16 8.89	33 18.33	49 27.22	82 45.56	4.09	1.00
Min			0.20 0.11	25.90 14.39	46.10 25.61	55.00 30.56	52.80 29.33	3.75	1.00

Jadual 4.8 memberikan penerangan mengenai persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia interpersonal. Daripada kesepuluh item soal selidik, yang mempunyai min skor lebih daripada empat adalah tiga item, iaitu: 1) Pengetua mudah memahami ide baru; 2) Pengetua mudah menceritakan perasaan tinggi kepada orang lain; dan 3) Pengetua merasa lebih baik dari orang lain. Manakala min skor yang lain jika disusun berdasarkan min skor tertinggi menuju terendah adalah sebahagai berikut: 1) Pengetua suka berhubung dengan setiap orang; 2) Pengetua memiliki kepercayaan sendiri tinggi; 3) Pengetua boleh bekerja dengan tenang; 4) Pengetua berusaha menjawab pertanyaan-pertanyaan sulit; 5) Pengetua memiliki pikiran untuk berubah lebih baik; 6) Pengetua berusaha mendapatkan perhatian dari orang lain; dan 7) Pengetua menghilangkan pikiran yang sering terganggu. Sedangkan dapatan pengiraan min keseluruhan bagi persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia interpersonal sebesar 3.75 menunjukkan bahawa persepsi guru tentang kecerdasan emosional guru pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia interpersonal pada persepsi bersetuju.

4.3.1.2.3 Penyesuaian Tekanan

Kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia ketiga yang dipersepsikan guru adalah penyesuaian tekanan. Terdapat 12 item daripada keseluruhan 55 item soal selidik yang boleh dihuraikan sepertimana Jadual 4.10 berikut :

Jadual 4.10.
Kekerapan, Peratusan dan Min Persepsi Guru Tentang Kecerdasan Emosional Penyesuaian Tekanan
Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia

No	Item Soal Selidik	N	Taburan Kekerapan dan Peratusan Peserta Kajian					Min	SP
			STB	TB	KB	B	SB		
17	Pengetua mementingkan kebahagiaan kawan	180	0 0.00	5 2.78	26 14.44	48 26.67	101 56.11	4.36	0.83
18	Pengetua berdamai dengan orang lain	180	0 0.00	11 6.11	33 18.33	48 26.67	88 48.89	4.18	0.94
19	Pengetua memahami pertanyaan-pertanyaan sulit	180	0 0.00	8 4.44	24 13.33	45 25.00	103 57.22	4.35	0.87
20	Pengetua suka tersenyum	180	0 0.00	11 6.11	31 17.22	42 23.33	96 53.33	4.24	0.95
21	Pengetua memahami perasaan orang lain	180	0 0.00	8 4.44	26 14.44	45 25.00	101 56.11	4.33	0.88
22	Pengetua memisahkan masalah pribadi dengan pekerjaan	180	0 0.00	10 5.56	34 18.89	46 25.56	90 50.00	4.20	0.94
23	Pengetua boleh menahan marah	180	0 0.00	11 6.11	28 15.56	40 22.22	101 56.11	4.28	0.94
24	Pengetua mudah menyatakan isi hati	180	0 0.00	12 6.67	38 21.11	45 25.00	85 47.22	4.13	0.97
25	Pengetua berfikir semuanya akan baik-baik saja	180	0 0.00	5 2.78	20 11.11	54 30.00	101 56.11	4.13	0.79
26	Pengetua menjawab pertanyaan yang sulit dengan jawapan yang terbaik	180	0 0.00	9 5.00	24 13.33	61 33.89	86 47.78	4.39	0.87
Min			0.00	9.00	28.40	47.40	95.20	4.26	0.90
			0.00	5.00	15.78	26.33	52.89		

Daripada Jadual 4.10 didapati bahawa persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia penyesuaian tekanan mempunyai min keseluruhan sebesar 4.26 dan hal ini bersesuaian dengan pentafsiran sangat bersetuju.

Sedangkan jika diperhatikan min skor masing-masing item diperolehi maklumat bahawa keseluruhan daripada min skor lebih besar daripada empat, dan hal ini bersesuaian dengan pentafsiran sangat bersetuju. Bagaimanapun jika disusun berdasarkan peringkat min skor tertinggi menuju terendah, aspek-aspek tersebut boleh dilihat seperti berikut: 1) Pengetua mementingkan kebahagiaan kawan; 2) Pengetua memahami pertanyaan-pertanyaan sulit; 3) Pengetua suka tersenyum; 4) Pengetua memahami perasaan orang lain; 5) Pengetua memisahkan masalah pribadi dengan pekerjaan; 6) Pengetua memisahkan masalah pribadi dengan pekerjaan; 7) Pengetua boleh menahan marah; 8) Pengetua mudah menyatakan isi hati; 9) Pengetua berfikir semuanya akan baik-baik sahaja; 10) Pengetua menjawab pertanyaan yang sulit dengan jawapan yang terbaik.

Manakala taburan persepsi guru dikelompokkan menjadi dua, iaitu persepsi guru-guru yang 'setuju' dengan taburan persepsi bersetuju dan sangat bersetuju, dan kelompok persepsi guru-guru yang 'kurang setuju' yang terdiri daripada taburan persepsi kurang bersetuju, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Jadual 4.10 memberikan penerangan bahawa kelompok pertama, iaitu mereka yang 'setuju' mempunyai kekerapan dan peratus secara berturutan sebesar 142.60 (79.22%) sedangkan yang lainnya sebesar 37.40 (20.78%).

4.3.1.2.4 Kemahiran Pengawasan Tekanan

Kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia keempat yang dipersepsikan guru adalah kemahiran pengawasan tekanan. Terdapat 12 item daripada keseluruhan 55 item soal selidik yang boleh dihuraikan sepertimana Jadual 4.11 berikut :

Jadual 4.11.

Kekerapan, Peratusan dan Min Persepsi Guru Tentang Kecerdasan Emosional Kemahiran Pengawasan Tekanan Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia

No	Item Soal Selidik	N	Taburan Kekerapan dan Peratusan Peserta Kajian					Min	SP
			STB	TB	KB	B	SB		
27	Pengetua mudah mengetahui perasaan sendiri	180	0 0.00	7 3.89	27 15.00	53 29.44	93 51.67	4.24	0.86
28	Pengetua mengetahui bagaimana mendapatkan waktu yang terbaik	180	0 0.00	3 1.67	33 18.33	58 32.22	86 47.78	4.29	0.81
29	Pengetua mengatakan yang sebenarnya	180	0 0.00	5 2.78	29 16.11	66 36.67	80 44.44	4.26	0.82
30	Pengetua merasakan sedikit bugar	180	0 0.00	6 3.33	32 17.78	65 36.11	77 42.78	4.23	0.84
31	Pengetua melakukan hal-hal yang berbeza	180	0 0.00	8 4.44	21 11.67	60 33.33	91 50.56	4.18	0.84
32	Pengetua merasakan kebahagiaan	180	0 0.00	4 2.22	29 16.11	66 36.67	81 45.00	4.30	0.80
33	Pengetua mudah merasakan perbezaan	180	0 0.00	1 0.56	16 8.89	52 28.89	111 61.67	4.24	0.68
34	Pengetua meyakini permasalahan membawa untuk lebih maju	180	0 0.00	12 6.67	38 21.11	57 31.67	73 40.56	4.06	0.94
35	Pengetua merasa baik-baik saja	180	0 0.00	6 3.33	48 26.67	49 27.22	77 42.78	4.52	0.91
36	Pengetua mudah berkawan	180	0 0.00	9 5.00	43 23.89	52 28.89	76 42.22	4.06	0.93
37	Pengetua berfikir segalanya untuk yang terbaik	180	0 0.00	12 6.67	40 22.22	49 27.22	79 43.89	4.09	0.96
38	Pengetua mudah menceritakan bagaimana mengalami kejatuhan	180	0 0.00	5 2.78	30 16.67	75 41.67	70 38.89	4.08	0.80
Min			0.00	6.50	32.17	58.50	82.83	4.21	0.85
			0.00	3.61	17.87	32.50	46.02		

Daripada Jadual 4.11 diperolehi maklumat mengenai persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia kemahiran pengawasan tekanan. Min tertinggi sebesar 4.52 yang bersesuaian dengan item mengenai pengetua berasa baik-baik saja, sedangkan min terendah sebesar 4.06 yang bersesuaian dengan item soal selidik mengenai pengetua senang berkawan. Sedangkan 10 item lainnya, jika disusun berdasarkan peringkat min skor tertinggi menuju terendah adalah seperti berikut: 1) Pengetua merasakan kebahagiaan; 2) Pengetua mengetahui bagaimana mendapatkan waktu yang terbaik; 3) Pengetua mengatakan yang sebenarnya; 4) Pengetua mudah mengetahui perasaan sendiri; 5) Pengetua senang merasakan perbezaan; 6) Pengetua merasakan sedikit bugar; 7) Pengetua melakukan hal-hal yang berbeza; 8) Pengetua berfikir segalanya untuk yang terbaik; 9) Pengetua mudah menceritakan bagaimana mengalami kejatuhan; dan 10) Pengetua meyakini permasalahan membawa untuk lebih maju.

Dari hasil pengiraan uji homogeniti pada Jadual 4.22 tersebut di atas, dapat disimpulkan bahawa pasangan data masing-masing pembolehubah prediktor, iaitu persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia variansnya homogen, kerana nilai χ^2_{kita} lebih kecil dari χ^2_{jadual} juga sama pada masing-masing Darjah kebebasan (df) dengan aras signifikansi 0.05.

Hasil pengujian persyaratan analisis menunjukkan bahawa sampel diambil secara random, data bertaburan normal, pasangan data pembolehubah prediktor (X_1) dan X_2) independen satu dengan lainnya serta variansnya homogen. Untuk itu maka pengujian hipotesis statistik dapat dilakukan.

4.3.3 Pengujian Hipotesis

1. Hubungan Persepsi guru tentang Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah dengan Persepsi guru tentang Kepimpinan Instruksional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia

Untuk mengetahui hubungan persepsi guru tentang pengurusan berasaskan sekolah dengan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia digunakan analisis regresi dan korelasi. Dari hasil pengiraan diperoleh $a = 38.44$ dan $b = 0.39$. Dengan memasukkan a dan b ke dalam persamaan

regresi Y atas X_1 $\hat{Y}=38.44+0.39X_1$. Untuk menguji kebenaran X_1 dan Y, dilakukan uji linieriti dan signifikansi regresi. Analisis terhadap berbagai sumber variansi ditampilkan dalam Jadual 4.23 berikut Ini:

Jadual 4.23.
ANAVA Untuk Regresi Linear Sederhana $\hat{Y}=38.44+0.39X_1$.

Su.Va	Db	JK	RJK	F_{kira}	F_{jadual}	
					0,05	0,01
Total	180	2426175.00				
Reg a	1	2403786.67	2403786.67			
Reg b	1	2512.94	2512.94	22.51	2.42	6.76
Sisa	178	19875.38	111.66			
Tuna Cocok	143	5868.93	41.04	0.10 ^{ns}	1.51	1.88
Galat	35	14006.45	400.18			

Keterangan :

JK = Jumlah kuadrat

RJk = Min jumlah kuadrat

db = Derajat kebebasan

* = Signifikan ($F_{kira} = 22.51 > F_{jadual} = 2.42$)

ns = Non signifikan ($F_{kira} = 0.10 < F_{jadual} = 1,51$ ertinya bentuk regresi linear)

Jadual 4.23 memberikan penerangan bahawa, hasil pengujian linieriti diperoleh F_{kira} sebesar 22.51 sedangkan dari daftar distribusi F dengan taraf signifikansi $\alpha = 0.05$ adalah 2.42, derajat kebebasan $db_1 = 143$ dan $db_2 = 35$ diperoleh F_{jadual} sebesar 0,10. Jika dibandingkan keduanya ternyata $F_{kira} < F_{jadual}$ atau $0.10 < 1.51$. Hal ini dapat disimpulkan bahawa persamaan regresi $\hat{Y} = 38.44 + 0.38X_1$ adalah linear.

Setelah uji linieriti dilanjutkan dengan uji keberertian. Dari jadual analisis varians (ANAVA) diatas diperoleh $F_{kira} = 22.51$ sedangkan dari jadual distribusi F dengan derajat kebebasan $db_1 = 1$ dan $db_2 = 178$ dan taraf kepercayaan $\alpha = 0,05$ diperoleh F_{jadual} sebesar 2.42. Jika dibandingkan keduanya ternyata $F_{kira} > F_{jadual}$ atau $22.51 > 2.24$, maka H_0 ditolak kerana tidak teruji kebenarannya dan ini bererti H_1 diterima. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa koefisien regresi adalah signifikan.


Selanjutnya dilakukan uji korelasi antara X_1 dan Y . Dari hasil analisis korelasi sederhana diperoleh koefisien korelasi $r_{y1} = 0.34$ dan koefisien determinasi $r^2_{y1} = 0.11$ artinya variasi persepsi guru tentang kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dapat dijelaskan dari variansi persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah sebesar 11 persen.

Dari uji signifikansi korelasi diperoleh $t_{kira} = 4.73$. Koefisien korelasi sederhana ini ternyata signifikan setelah diuji dengan uji t . Hal ini ditunjukkan oleh $t_{kira} > t_{jadual}$ atau $4.73 > 1.65$ pada $\alpha = 0,05$ dan derajat kebebasan 178.

Hubungan antara X_1 dan Y diuji secara berasingan dengan X_2 dikontrol, dari pengiraan diperoleh nilai koefisien $r_{y1.2} = 0.24$ dan koefisien determinasi $r^2_{y1.2} = 0.06$. Koefisien korelasi berasingan tersebut diuji keberertian dengan menggunakan uji t . Dari hasil pengiraan diperoleh $t_{kira} = 3.27$ (lihat lampiran). Sedangkan t_{jadual} pada taraf nyata $\alpha = 0.05$ dan dengan derajat kebebasan 178 diperoleh $t_{jadual} = 1.65$ (lihat lampiran jadual statistik jadual t). Dengan demikian jika dibandingkan, $t_{kira} > t_{jadual}$ atau $3.27 > 1.65$ Hal ini bererti H_0 ditolak kerana tidak teruji kebenarannya dan menerima H_1 atau korelasi berasingan antar X_1 dengan Y dengan X_2 dikontrol adalah signifikan.

Dengan keberertian hubungan antara X_1 dengan Y baik secara sederhana mahupun berasingan, maka dapat disimpulkan bahawa hipotesis pertama benar, iaitu terdapat hubungan positif antara persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dengan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, dan teruji signifikan.

Pengaruh antara pembolehubah X_1 dengan Y yang dipolakan dengan persamaan regresi dapat divisualisasikan dalam diagram garis regresi linier seperti pada rajah 4.1.



Rajah 4.1.
Diagram Garis Regresi antara X₁ dan Y

2. Hubungan Persepsi Guru tentang Kecerdasan Emosional Dengan Kepimpinan Instruksional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

Hipotesis kedua ialah terdapat hubungan positif antara persepsi guru tentang kecerdasan emosional (X₂) dengan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas (Y). Secara statistik hipotesis diatas dirumuskan sebahagai berikut:

$$H_0 : \rho_{Y2} = 0$$

$$H_1 : \rho_{Y2} > 0$$

Untuk mengetahui hubungan kecerdasan emosional dengan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia digunakan analisis regresi dan korelasi. Dari hasil pengiraan diperoleh a = 9.46 dan b= 0.48. Dengan memasukkan a dan b ke dalam persamaan regresi Y atas X₂, $\hat{Y} = 9.52 + 0.48X_2$. Untuk menguji kebenaran X₂ dengan Y, dilakukan uji linearitas dan signifikansi

regresi. Analisis terhadap berbagai sumber variansi ditampilkan dalam jadual 4.24 sebahagai berikut iaitu:

Jadual 4.24.
ANAVA Untuk Regresi Linear Sederhana $\hat{Y} = 9.52 + 0.48X_2$.

Su.Va	Db	JK	RJK	F _{kira}	F _{jadual}	
					0,05	0,01
Total	180	2426175.00				
Reg a	1	2403786.67	2403786.67			
Reg b	1	5696.23	5696.23	60.74	2.42	6.76
Sisa	178	16692.10	93.78			
Tuna Cocok	132	5819.32	44.09			
Galat	48	10872.77	226.52	0.19	1.56	1.88

Keterangan :

JK =Jumlah kuadrat

RJk = Min jumlah kuadrat

db = Derajat kebebasan

* = Signifikan ($F_{kira} = 60.74 > F_{jadual} = 2.42$)

ns = Non Signifikan ($F_{kira} = 0.19 < F_{jadual} = 1.56$ ertinya bentuk regresi linear)

Dari data Jadual 4.24, hasil pengujian linieriti diperoleh F_{kira} sebesar 0.19 sedangkan dari daftar distribusi F dengan taraf signifikansi $\alpha = 0.05$, derajat kebebasan $db_1 = 131$ dan $db_2 = 47$ diperoleh F_{jadual} sebesar 1.56. Jika dibandingkan keduanya ternyata $F_{kira} < F_{jadual}$ atau $0.19 < 1.56$. Hal ini dapat disimpulkan bahawa persamaan regresi $\hat{Y} = 9.52 + 0.48X_2$ adalah linear.

Setelah uji linieriti dilanjutkan dengan uji keberertian. Dari jadual analisis varians (ANAVA) diatas diperoleh $F_{kira} = 60.74$ sedangkan dari jadual distribusi F dengan derajat kebebasan $db_1 = 1$ dan $db_2 = 178$, dan taraf kepercayaan $\alpha = 0,05$ diperoleh $F_{jadual} = 2.24$. Jika dibandingkan keduanya ternyata $F_{kira} > F_{jadual}$ atau $60.74 > 2.24$ (lihat lampiran jadual statistik jadual F), maka H_0 ditolak kerana tidak teruji kebenarannya dan ini bererti H_1 diterima. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa koefisien regresi adalah signifikan.


Selanjutnya dilakukan uji korelasi antara X_2 dan Y . Daripada hasil analisis korelasi sederhana diperoleh koefisien korelasi $r_{y2} = 0.50$ dan koefisien determinasi $r^2_{y2} = 0.25$ artinya varians persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dapat dijelaskan dari varians persepsi guru tentang kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, sebesar 25 peratus.

Dari uji signifikansi korelasi diperoleh $t_{kira} = 7.77$. Koefisien korelasi sederhana ini ternyata signifikan setelah diuji dengan uji t . Hal ini ditunjukkan oleh $t_{kira} > t_{jadual}$ atau $7.77 > 1.65$ pada $\alpha = 0.05$ dan derajat kebebasan 178.

Hubungan antara X_2 dengan Y diuji secara berasingan dengan X_1 dikontrol, dari pengiraan diperoleh nilai koefisien $r_{y2.1} = 0.46$ dan koefisien determinasi $r^2_{y2.1} = 0.21$. Koefisien korelasi berasingan tersebut diuji keberertian dengan menggunakan uji t . Dari hasil pengiraan diperoleh $t_{kira} = 6.82$ (lihat lampiran). Sedangkan t_{jadual} pada taraf nyata $\alpha = 0.05$ dan derajat kebebasan 178 diperoleh $t_{jadual} = 1.65$. Dengan demikian jika dibandingkan, $t_{kira} > t_{jadual}$ atau $6.82 > 1.65$ Hal ini berarti H_0 ditolak kerana tidak teruji kebenarannya dan menerima H_1 atau korelasi berasingan antar X_2 dengan Y dan X_1 dikontrol adalah signifikan.

Dengan keberertian hubungan X_2 dan Y baik secara sederhana maupun berasingan, maka dapat disimpulkan bahawa hipotesis kedua benar, iaitu terdapat hubungan positif antara kecerdasan emosional dengan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dan teruji signifikan.

Hubungan antara pembolehubah X_2 dengan Y yang dipolakan dengan persamaan regresi dapat divisualisasikan dalam diagram garis regresi linier seperti pada rajah 4.2.



Rajah 4.2.
Garis Diagram Regresi antara X₂ dan Y


3. Hubungan antara Persepsi Guru Tentang Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah dan Kecerdasan Emosional dengan Kepimpinan Instruksional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

Hipotesis ketiga dalam kajian ini adalah terdapat hubungan positif antara persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional secara bersama-sama dengan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas (Y). Secara statistik hipotesis diatas dapat dirumuskan sebahagai berikut:

$$H_0 : \rho_{y.12} = 0$$

$$H_1 : \rho_{y.12} > 0$$

Pengujian hipotesis ini menggunakan analisis regresi dan korelasi multiple. Hubungan antara pembolehubah X₁ dan X₂ dapat dilihat melalui regresi multiple $\hat{Y} = a_0 + a_1X_1 + a_2X_2$. Dari hasil kajian diperoleh harga a₀ = 54.66, a₁ = 0.25, dan a₂ = 0.43. Dengan memasukkan harga a₀, a₁ dan a₂ maka diperoleh persamaan regresi multiple $\hat{Y} = -27.57 + 0.25X_1 + 0.42X_2$.



Rajah 4.3:
Garis Diagram Regresi antara X_1 , X_2 dan Y

Untuk menguji kebenaran hubungan antara pembolehubah (X_1) dan (X_2) dengan (Y), dilakukan uji keberartian koefisien regresi multiple dengan menggunakan uji F. Dari hasil pengiraan diperoleh harga $f_{k\text{ira}}$ sebesar 37.37. Sedangkan dari daftar distribusi F dengan derajat pembilang $dk_1 = 2$ dan derajat kebebasan penyebut $dk_2 = 177$ pada taraf signifikansi $= 0.05$ diperoleh $F_{0,05(2:177)}$ sebesar 3.04. Jika keduanya dibandingkan maka diperoleh $F_{k\text{ira}} > f_{j\text{adual}}$ atau $37.37 > 3.04$. Karena $f_{k\text{ira}} > f_{j\text{adual}}$ maka menurut kriteria pengujian H_0 ditolak kerana tidak teruji kebenarannya dan bererti menerima H_1 . Hal ini bererti koefisien regresi adalah signifikan.

Untuk menguji hubungan ganda antara pembolehubah (X_1) dan (X_2) dengan (Y) digunakan analisis korelasi multiple. Dari hasil pengiraan diperoleh koefisien korelasi multiple $R_{y,12}$ sebesar 0.54 dan koefisien determinasi $R^2_{y,12}$ sebesar 0.30. Untuk menguji keberertian terhadap koefisien korelasi multiple diatas digunakan uji F. Dari hasil pengiraan diperoleh $F_{k\text{ira}}$ sebesar 37.37 dan pada taraf signifikansi $= 0.05$ dengan derajat kebebasan pembilang $dk_1 = 2$ dan derajat kebebasan penyebut $dk_2 = 177$ diperoleh $F_{0,05(2:177)} = 3.04$. Jika keduanya dibandingkan maka $F_{k\text{ira}} > F_{j\text{adual}}$ atau $37.37 > 3.04$. Kerana $F_{k\text{ira}} > F_{j\text{adual}}$, maka menurut kriteria pengujian H_0 ditolak kerana tidak

teruji kebenarannya dan berarti menerima H_1 . Hal ini berarti korelasi multiple adalah signifikan.

Dengan demikian dapat disimpulkan, bahwa hipotesis ketiga benar yaitu: terdapat hubungan positif antara persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional dengan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, diterima dan teruji sangat signifikan.

4.4 Pembahasan Hasil Kajian

Berdasarkan hasil pengujian hipotesis, ternyata ketiga hipotesis alternatif yang diajukan secara signifikan dapat diterima. Hal itu dapat dijelaskan sebagai berikut yaitu:

4.4.1 Hubungan Persepsi Guru tentang Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah dengan Kepimpinan Instruksional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten.

Pengurusan berasaskan sekolah merupakan salah satu pilar dalam rangka amalan autonomi pendidikan pada peringkat sekolah dalam rangka mengamalkan kurikulum tingkat satuan pendidikan.

Pengurusan berasaskan sekolah pada dasarnya pemerksaan sekolah dengan memberikan autonomi kepada sekolah untuk menentukan polisi sekolah dalam rangka meningkatkan kualiti. Matlamat pengurusan berasaskan sekolah adalah untuk: a) Meningkatkan efisiensi, melalui keleluasaan pengelolaan sumber daya yang ada; b) Meningkatkan kualiti, melalui partisipasi ibu bapak, kelenturan pengelolaan sekolah, profesionalisme dan lain-lain; d) Menyediakan pemerataan pendidikan melalui

partisipasi masyarakat yang mampu dan yang kurang mampu menjadi tanggungjawab pemerintah.

Persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan Sekolah di sekolah merangkumi bidang: 1) Pengurusan Kurikulum dan program pembelajaran; 2) Pengurusan kakitangan sekolah; 3) Pengurusan pelajaran; 4) Pengurusan kewangan dan pembiayaan; 6) Pengurusan fasiliti pendidikan; 5) Pengurusan hubungan sekolah dengan masyarakat, dan pengurusan perkhidmatan khas (E. Mulyasa, 2002).

Pengurusan kurikulum dan program pengajaran mencakup aktiviti perancangan, amalan, dan penilaian kurikulum. Pengurusan kakitangan sekolah atau pengurusan modal insaniyah pendidikan bermatlamat mendayagunakan kakitangan sekolah secara berkesan dan efisien untuk mencapai hasil yang optimum namun tetap dalam keadaan yang menyenangkan. Pengurusan pelajar bermatlamat untuk mengatur berbagai aktiviti dalam bidang pelajar agar aktiviti pembelajaran di sekolah dapat berjalan lancar, tertib teratur serta mencapai matlamat pendidikan di sekolah. Pengurusan kewangan dan pembiayaan adalah bagaimana mengatur setransparan mungkin dan dapat dipertanggungjawabkan akuntabilitinya mengenai sumber-sumber pemasukan, pemanfaatan, pengelolaan, penggunaan serta pelaporan penggunaan kepada pemangku kepentingan pendidikan.

Pengurusan fasiliti pendidikan bertugas mengatur dan menjaga fasiliti pendidikan agar dapat memberikan kontribusi secara optimum dan bererti pada hala proses pendidikan. Aktiviti pengelolaan ini merangkumi aktiviti perancangan, pengadaan, pengawasan, penyimpanan inventaris dan penghapusan serta penataan.

Pengurusan layanan khas merangkumi pengurusan perpustakaan, kesihatan, dan keselamatan sekolah yang merupakan aspek-aspek perkhidmatan yang harus diberikan pihak sekolah kepada pelajar, tenaga pendidik dan kakitangan sekolah.

Berkaitan dengan persepsi guru tentang kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia adalah bagaimana seorang pengetua dapat menjalankan fungsi-fungsi yang melekat pada dirinya yang merangkumi seperti diungkapkan E. Mulyasa (2004) dalam paradigma baru pengurusan pendidikan, pengetua sedikitnya harus boleh berperanan sebagai “pendidik, pengurus, pentadbir, penyelia, pimpinan, pembaharu, pemberi motivasi.”

Hasil pengujian hipotesis hubungan antara persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten berpola linier mempunyai hala positif dan signifikan serta memiliki koefisien korelasi sebesar $r = 0.52$ dan koefisien determiniti sebesar $r^2 = 0.27$ ini bererti persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah memberikan kontribusi sebesar 27 % terhadap naik turunnya persepsi guru tentang amalan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Kontribusi tersebut juga ditunjukkan oleh hasil koefisien korelasi berasingan $r_{y.12}$ sebesar 0.33 dan $t_{kira} = 8.46$ yang bererti lebih besar dari t_{jadual} yang bernilai 1.65.

Ternyata berdasarkan temuan tersebut, persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah memberikan kontribusi sebesar 27% terhadap persepsi guru tentang amalan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, sedangkan sisanya dipengaruhi faktor-faktor lainnya. Berdasarkan analisis deskriptif diatas secara keseluruhan min skor jawapan peserta kajian terhadap pembolehubah persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah (X_1) adalah 75.29 atau persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah 75.29 % berada pada tingkatan kriteria baik, tinggi dan memuaskan. Ertinya persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah sudah cukup memadai untuk mendorong persepsi

guru tentang amalan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dengan baik.

Jika dibandingkan kedua koefisien determiniti tersebut, ternyata terjadi penurunan koefisien determiniti sebesar 16%. Hal ini memberikan matlumat bahawa setelah dikawal dengan persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia maka nilai koefisien determiniti antara persepsi guru tentang pengurusan berasaskan sekolah dengan persepsi guru tentang kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia turun sebesar 16%.

Pola hubungan antara kedua pembolehubah tersebut, dinyatakan dengan persamaan regresi linear $\hat{Y} = 38.44 + 0.39X_1$. Persamaan ini memberi matlumat bahawa min perubahan satu skor persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah diikuti oleh perubahan satu unit skor persepsi guru tentang kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia sebesar 0.39.

Dengan demikian dapat disimpulkan, bahawa makin baik persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah maka makin tinggi pula persepsi guru tentang amalan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dan sebaliknya makin rendah persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah maka makin rendah pula persepsi guru tentang amalan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

4.4.2 Hubungan Persepsi Guru Tentang Kecerdasan Emosional dengan Persepsi Guru tentang Kepimpinan Instruksional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia

Persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua sekolah menurut Cooper (1988) adalah “kemahiran mengindra, memahami dengan berkesan merupakan kekuatan dan ketajaman emosi sebagai sumber energi, matlumat dan pengaruh. Persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia merangkumi: mengenal emosi diri, mengawal emosi, memotivasi diri sendiri, mengenal emosi orang lain, dan seni membina hubungan.

Hal-hal yang berkaitan dengan emosi, kesedaran diri, motivasi, empati, hubungan sosial, dan kerja tim merupakan bahagian dari emosi seseorang. Emosi-emosi ini harus dikelola dengan baik. Seseorang yang dapat mengawal emosinya dengan baik maka dalam kehidupannya akan berjaya. Sebaliknya jika seorang gagal mengawal emosinya atau tidak cerdas emosinya maka seseorang akan sering mengalami kegagalan dan walaupun berkembang tidak maksimum. Begitu juga dengan pengetua, ramai mereka yang kurang berjaya atau tidak maksimum dalam kepimpinannya kerana mereka tidak boleh mengawal emosi yang ada dalam dirinya.

Kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia berfungsi menyokong dan membimbing pikiran dan rasa mahu tahu, membuat kita berpikir tentang cara menghindari bahaya marah, menyokong kita mengatasi halangan-halangan untuk mendapat yang kita perlukan, dan kita dapat menemukan kebahagiaan dalam kebersamaan orang lain.

Berkaitan dengan pengetua sebagai pemimpin menurut Terry (1993) ada 10 hal tugas kepimpinan iaitu: 1) menetapkan visi dan misi; 2) menetapkan nilai; 3) menumbuhkan nilai; 4) memotivasi; 5) mengawal; 6) mencapai kesatuan kerja; 7)

memberi penjelasan; 8) simbol perkhidmatan; 9) perwakilan kumpulan; dan 10) pembaharu.

Pengetua sekolah merupakan salah satu komponen pendidikan yang paling berperanan dalam meningkatkan kualiti pendidikan. Seperti yang diungkapkan Supriadi (1998) bahawa: “Erat hubungannya antara kualiti pengetua sekolah dengan pelbagai aspek kehidupan sekolah seperti disiplin sekolah, suasana budaya sekolah, dan menurunnya perilaku pelajar nakal”. Dalam hal itu, pengetua bertanggungjawab dalam pendidikan secara mikro, secara langsung ianya berkaitan dengan proses pembelajaran disekolah.

Hasil pengujian hipotesis hubungan antara persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dengan persepsi guru tentang kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia berpola linear mempunyai arah positif dan signifikan serta memiliki koefisien korelasi sebesar $r = 0,57$ dan koefisien determiniti sebesar $r^2 = 0.33$ ini bererti persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia memberikan kontribusi sebesar 33 % terhadap persepsi tentang amalan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Kontribusi tersebut juga ditunjukkan oleh hasil koefisien korelasi berasingan $r_{y.21}$ sebesar 0.42 dan $r^2_{y.21}$ sebesar 18 % dan $t_{kira} = 11.37$ yang bererti lebih besar dari t_{jadual} yang bernilai 1.65.

Ternyata berdasarkan temuan tersebut, persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia memberikan kontribusi iaitu 33 % terhadap persepsi guru tentang amalan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

Berdasarkan analisis deskriptif diatas secara keseluruhan min skor jawapan peserta kajian terhadap pembolehubah persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas (X_2) adalah 72.76 atau tingkat persepsi guru tentang persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia pengetua 72.76 % berada pada tingkatan kriteria baik, tinggi dan memuaskan. Ertinya persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia sudah cukup memadai untuk mempersepsikan amalan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dengan baik.

Jika dibandingkan kedua koefisien determiniti tersebut, ternyata terjadi penurunan determiniti sebesar 15 %. Hal ini memberikan matlumat bahawa setelah dikawal dengan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah maka nilai koefisien determiniti antara persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dengan amalan persepsi guru tentang kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia turun sebesar 15%.

Pola hubungan antara kedua pembolehubah tersebut, dinyatakan dengan persamaan regresi linier $\hat{Y} = 9.52 + 0.48X_2$. Persamaan ini memberikan matlumat bahawa min perubahan satu skor persespi guru tentang persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia diikuti oleh perubahan satu unit skor persespi guru tentang amalan persepsi guru tentang kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia sebesar 0.48.

Dengan demikian dapat disimpulkan, bahawa makin baik persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia yang dimiliki pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia maka makin tinggi pula persepsi guru tentang kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dan sebaliknya makin rendah persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia yang dimiliki pengetua maka makin rendah pula persepsi guru tentang kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

4.4.3 Hubungan Antara Persepsi guru tentang Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah, Kecerdasan Emosional dan Kepimpinan Instruksional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia

Persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah atau *School Based Management (SBM)* merupakan kesan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah mengenai strategik untuk kewujudan sekolah yang berkesan dan produktif. Istilah pengurusan berasaskan sekolah pertama kali muncul di Amerika Syarikat ketika masyarakat mulai mempertanyakan hubungan pendidikan dengan tuntutan dan perkembangan masyarakat tempatan. Pengurusan berasaskan sekolah merupakan paradigma baru dalam pengurusan pendidikan, yang memberikan autonomi luas pada sekolah, dan keterlibatan masyarakat dalam kerangka polisi pendidikan nasional. Autonomi diberikan agar sekolah dengan bebas mengawal sumber daya, sumber dana, sumber belajar dan mengalokasikannya sesuai prioriti kebutuhan, serta lebih tanggap terhadap kebutuhan setempat.

Sejalan dengan itu (Udin Syaifudin Saud, 2002) berdasarkan amalan di Negara maju mengemukakan bahawa ciri-ciri dasar Pengurusan Berasaskan Sekolah adalah: 1) Memberikan autonomi yang luas kepada sekolah; 2) Penyertaan masyarakat dan ibu

bapak pelajar; 3) Kepimpinan sekolah yang demokratik dan profesional; 4) Adanya kerja berpasukan (*team work*) yang tinggi dan profesional (kerja berpasukan yang kompak dan transparan).

Menurut Casey & Cob (2000) IQ (*intelligence Quotion*) yang tinggi bisa menjadi bumerang jika EI (*emotional intelligence*) tidak mengimbangnya. Untuk memanfaatkan atau mengembangkan kecerdasan kognitif sampai puncaknya diperlukan kecerdasan emosional pengetua sekolah agama yang memadai. Semakin tinggi kecerdasan emosional seseorang, maka semakin besar kemungkinan untuk berjaya sebagai pekerja, ibu bapak, pengurus, anak dewasa bagi ibu bapak kita, rakan bagi pasangan hidup kita atau calon untuk suatu posisi jabatan.

Rivai mengutip hasil studi yang dilakukan oleh Laze dan Wikstrom mengenai faktor-faktor prestasi kerja yang dinilai oleh 125 perusahaan di Amerika Syarikat yang di dalamnya memuat faktor am yang memiliki kesamaan di 61 perusahaan merangkumi: “amalan tentang pekerjaannya, kepimpinan, inisiatif, kualiti pekerjaan, kerjasama, pengambilan keputusan, kreativiti, dapat ditandingi, perancangan, komunikasi, kecerdasan, pemecahan masalah, pendelegasian, sikap, usaha, motivasi dan organisasi.” (2005)

Dari huraian diatas persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional secara bersama-sama merupakan faktor yang dapat mempengaruhi persepsi guru tentang kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Hal ini terbukti oleh kajian yang pengkaji lakukan.

Pengujian hipotesis ketiga menyimpulkan terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia secara

bersama-sama dengan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia yang ditunjukkan oleh nilai F_{kira} sebesar 37.37 yang jauh lebih besar dari pada F_{jadual} sebesar 3.04 pada tingkat signifikansi 0.05 sehingga koefisien korelasi ganda adalah signifikan. Berdasarkan analisis korelasi ganda diperoleh pengiraan koefisien korelasi ganda ($r_{y.12}$) sebesar 0.54 dan koefisien determiniti ($R_{y.2.1}^2$) sebesar 0.30 bererti bahawa variasi yang terjadi pada persepsi guru tentang kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas sebesar 30% bisa dijelaskan secara bersama oleh persepsi guru tentang amalan pengurusan beraskan sekolah dan persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia melalui persamaan $\hat{Y} = -25.57 + 0.24X_1 + 0.27X_2$ yang telah diuji keberertiannya. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa peningkatan persepsi guru tentang amalan pengurusan beraskan sekolah dan kecerdasan emosional secara bersama-sama akan meningkatkan persepsi guru tentang kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

Berdasarkan analisis deskriptif dalam kajian ini menunjukkan persepsi guru tentang amalan pengurusan beraskan sekolah tergolong pada kriteria baik sebesar 76.18%, dan tingkat persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia sebesar 80.88% tergolong kriteria baik, tinggi dan memuaskan. Ertinya persepsi guru tentang amalan pengurusan beraskan sekolah dan persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia sangat memadai dan mendukung, memberikan bekal serta meningkatkan persepsi guru tentang amalan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia mencapai prestasi dengan baik yang merangkumi sebagai pendidik, pengurus, pentakbir,

penyelia, pimpinan, pembaharu dan pemberi motivasi. Sedangkan tingkat persepsi guru tentang kepemimpinan instruksional yang dicapai pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia sebesar 69.98% menunjukkan pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia memiliki kepemimpinan instruksional yang baik, tinggi dan memuaskan .

4.5 Keterbatasan Kajian

Amalan kajian ini telah diupayakan sebaik mungkin dan sesempurna mungkin dengan menggunakan prosedur kaedah ilmiah, akan tetapi sebaik apapun kaedah yang digunakan, tidak tertutup kemungkinan adanya kesalahan kerana pengkaji adalah manusia biasa yang tidak terlepas dan kesilapan, kekurangan dan keterbatasan. Sehubungan dengan ini patut diakui bahawa kajian ini mempunyai kelemahan-kelemahan dan keterbatasan-keterbatasan yang pada amnya disebabkan oleh dua faktor iaitu sampling atau subyek analisis dan instrumen kajian.

Keterbatasan kajian ini antara lain :

1. Pembahasan dalam kajian ini hanya terbatas pada pembolehubah-pembolehubah yang tengah diselidiki iaitu pembolehubah persespi guru tentang persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dan berasumsi pembolehubah lain yang mempengaruhi persepsi guru tentang amalan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia kekal, pada kenyataannya masih ramai pembolehubah lain yang mempengaruhi persepsi guru tentang kepimpinan instruksional pengetua dan hal tersebut tidaklah kekal.

2. Data kajian diperoleh dengan menggunakan soal selidik yang diberikan kepada peserta kajian. Oleh sebab itu interpretasi dan kesimpulan perlu dilakukan secara hati-hati.
3. Sampel dalam penyelidikan ini hanya terbatas pada guru Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Oleh itu hasil kajian ini tidak berlaku untuk guru Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi lain atau peringkat negara.

Dengan adanya keterbatasan dalam kajian ini dapat lebih dikembangkan untuk memperbaharui hal-hal yang dianggap belum sempurna, dan juga untuk menemukan suatu temuan baharu yang boleh digunakan bagi meningkatkan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.